

SET 3 : PROGRAM POS35

Cikgu Arbee Rose

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

*Dalam **Petikan 1**, terdapat enam kesalahan bahasa, manakala **Petikan 2** mengandungi tujuh kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan.*

Petikan 1

Udang adalah sumber Omega-3 yang kaya dengan protin namun kurang kandungan lemak dan keleri. Terdapat pelbagai jenis udang air masin dan air tawar yang kian menjadi pilihan penternak udang. Antara spesis udang yang mula mendapat perhatian masyarakat dan ditenak secara besar-besaran ialah udang galah, udang putih, udang kara serta udang harimau. Udang harimau semakin banyak ditenak di Malaysia. Udang harimau mendapat penawaran yang tinggi terutamanya pada musim perayaan Tahun Baharu Cina dan Krismas.

[6 markah]

Petikan 2

Selain daripada itu, remaja dapat mengisi masa lapang dengan cara yang bermanfaat. Contohnya, remaja dapat memanfaatkan masa lapang dengan melibatkan diri dalam aktiviti sukan seperti tennis, memanah dan futsal. Remaja yang aktif dalam sukan pasti tidak akan melakukan aktiviti yang kurang bermanfaat seperti menghabiskan masa lapang dengan menonton televisyen, tidur atau melepak di pusat membeli-belah. Sebaliknya mereka akan mengisi masa sengang mereka dengan melakukan aktiviti sukan yang digemari bersama rakan-rakan. Impaknya, remaja akan membentuk gaya hidup yang sihat dan terhindar dari masalah sosial.

[7 markah]

<u>Baris</u>	<u>Petikan 1</u>	<u>Baris</u>	<u>Petikan 2</u>
1		1	
2		2	
3		4	
4		5	
5		7	

